



TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
SEMPENA
PROGRAM TRANSFORMASI SAHABAT AMANAH IKHTIAR MALAYSIA
(AIM) DARI INDUSTRI MIKRO KEPADA INDUSTRI KECIL MELALUI
PENDIDIKAN KEWANGAN - TAYLOR'S UNIVERSITY (TU)

25 MEI 2016 | 2.00 PM - 5.00 PM

MULTIPURPOSE HALL, LANAI KIJANG
BANK NEGARA MALAYSIA

[SALUTASI]

Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia. Terima kasih kepada pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) kerana sudi memberi ruang kepada saya di petang yang indah ini untuk bersama-sama dengan para tetamu di sini terutamanya para peserta Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).
2. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya memelihara negara kita iaitu Malaysia dalam keadaan aman damai dan dengan itu, kita dapat berhimpun di sini untuk bersama-sama menjayakan program ini bersama tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
3. Sebelum saya meneruskan ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana turut bersama-sama dengan kita semua pada hari ini bagi **Program Transformasi Sahabat AIM dari Industri Mikro kepada Industri Kecil melalui Pendidikan Kewangan – Taylor's University (TU)**.

Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Julai 2009, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah diamanahkan untuk menerajui Bidang Keberhasilan Utama Negara-Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA-LIH). Beberapa Kementerian dan agensi lain telah turut terlibat sama sebagai pelaksana atau disebut *Champions* bagi NKRA LIH iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Sumber Manusia (MOHR), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sabah (MAFI), Kementerian Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Negeri Sarawak (KKWPK) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).
2. Antara inisiatif utama di bawah NKRA LIH adalah Program 1AZAM yang dilaksanakan bermula sejak tahun 2010. **Sehingga Disember 2015, program ini telah berjaya mengumpul penyertaan seramai 190,799 orang peserta.**
3. Terdapat lima (5) projek di bawah Program 1AZAM yang iaitu AZAM Niaga (perniagaan makanan dan minuman), AZAM Khidmat (peluang kepada pelanggan), AZAM Kerja (peluang pekerjaan), AZAM Tani (penternakan dan pertanian), dan AZAM Bandar (perniagaan makanan dan minuman). Melalui Program 1AZAM (AZAM Niaga & Khidmat) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sebanyak 20 pakej perniagaan telah ditawarkan kepada para

peserta antaranya pakej perniagaan nasi lemak kukus, pakej pembuatan kuih, pakej jahitan dan pakej minuman ice-blended.

4. Kejayaan Program 1AZAM telah diiktiraf oleh Kerajaan. Di dalam Majlis Pelancaran Laporan Tahun 2015 Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) di bawah Dasar Transformasi Nasional (DTN) yang diadakan di Angkasapuri pada 26 April yang lalu, kita telah menonjolkan beberapa orang peserta yang telah berjaya untuk dikongsi dengan masyarakat mengenai kisah kejayaan mereka supaya dijadikan teladan dan contoh kepada semua rakyat Malaysia agar berusaha untuk mengubah nasib keluarga.
5. Saya cukup kagum dengan kisah kejayaan mereka kerana ada di antara mereka yang berjaya meningkatkan pendapatan daripada RM 500.00 kepada RM 60,000.00 sebulan serta ada juga yang telah berjaya membawa produk mereka menembusi pasaran global. Ini merupakan satu cerita kejayaan yang patut dijadikan contoh kepada tuan-tuan dan puan-puan semua kerana mereka yang berjaya ini sememangnya bermula daripada peniaga kecil-kecilan atau mikro.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Peranan AIM sebagai penyedia kewangan mikro di negara ini tidak dapat disangkal lagi. AIM telah banyak membantu pihak kerajaan di dalam melaksanakan dasar-dasar untuk membantu usahawan kecil dan merancakkan bidang ekonomi di Malaysia melalui modal yang disalurkan. Melihat kepada pencapaian AIM di dalam bidang kewangan

mikro, tidak dinafikan AIM telah banyak membantu isi rumah miskin dan golongan berpendapatan rendah meningkatkan taraf hidup masing-masing.

8. Untuk makluman semua, kolaborasi di antara KPWKM, AIM dan AKPK telah bermula pada tahun 2013 melalui Program Literasi Kewangan (*Financial Literacy*) kepada peserta 1AZAM sebagai pra-syarat sebelum mereka menerima bantuan peralatan atau pinjaman.
9. Kerajaan sedar bahawa literasi kewangan adalah satu ilmu yang wajib dimiliki oleh semua rakyat Malaysia terutamanya dikalangan usahawan. Oleh yang demikian, kerajaan amat menekankan program seperti ini bagi memastikan usahawan-usahawan berkaitan mendapat manfaat dalam perniagaan dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Program kolaborasi di antara KPWKM, AIM dan AKPK ini menekankan kepentingan aliran tunai dalam menjalankan perniagaan dan pengurusan kewangan yang berhemat. Peserta perlu bijak dalam membezakan keperluan dan kehendak serta berupaya membezakan liabiliti peribadi dan perniagaan.
10. Pada tahun 2015 penambahbaikan kepada modul literasi kewangan telah dibuat dengan memasukkan elemen 4P (*product, price, promotion, place*). Penambahbaikan ini telah menunjukkan impak di mana ia berjaya meningkatkan hasil jualan peserta, menambahkan nilai tabungan mereka serta menjana perniagaan yang lebih tersusun.

11. Pada tahun 2016 selaras dengan fasa ketiga GTP ke arah menuju Wawasan 2020, AIM telah diberi tanggungjawab lebih besar iaitu meningkatkan taraf perniagaan peserta dari kategori industri mikro ke industri kecil. Saya dimaklumkan bahawa definisi Perusahaan Kecil oleh SME Bank adalah perniagaan dengan nilai jualan tahunan melebihi RM300,000.00 dan kurang dari RM3 juta atau perniagaan dengan jumlah pekerja di antara 5 hingga 30 orang. Sebagai permulaan, seramai 200 peserta telah disasarkan sebagai KPI bagi tahun 2016. KPI ini merupakan satu cabaran yang besar bukan sahaja kepada AIM tetapi juga kepada saya sendiri kerana ia telah juga menjadi KPI saya selaku Menteri peneraju bagi NKRA LIH.
12. Di dalam memastikan kejayaan KPI ini, saya difahamkan pihak AIM telah menjalinkan kolaborasi dengan AKPK yang dibantu oleh 4 buah universiti iaitu Taylor's University, Universiti Islam Antarbangsa Malaysia (UIA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang kini masih dalam perancangan.
13. Profil peserta yang berpotensi untuk diketengahkan telah pun dikenalpasti dan para peserta dari kalangan Sahabat AIM ini akan dipantau perkembangan perniagaan mereka secara komprehensif oleh pelajar dari IPT yang terpilih. Sebagai permulaan, seramai 50 orang peserta dari sekitar Lembah Klang telah ditempatkan bersama pelajar dari Taylor's College. Tuan-tuan dan puan-puan adalah peserta perintis kepada program ini dan saya amat berbangga dengan pencapaian yang telah tuan-tuan dan puan-puan tunjukkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Impak dari transformasi peningkatan peserta atau sahabat turut membantu kepada peningkatan peluang pekerjaan kepada negara. Impak pelajar dari program ini dapat dilihat dalam mengaplikasikan teori yang dipelajari kepada pratikal. Melalui program ini juga pelajar dapat mempelajari kekuatan dan kelemahan dalam sesebuah perniagaan. Program ini adalah salah satu platform bagi AKPK dalam memberi pendedahan serta penekanan kepentingan pengurusan kewangan secara berhemat.
15. Saya berharap agar program seperti ini dapat membantu peserta lebih berkembang maju dari segi jualan dan pekerja, seterusnya meningkatkan keuntungan perniagaan dan simpanan kewangan.
16. Sebelum mengakhiri ucapan saya kali ini, saya sekali lagi merakamkan sekalung penghargaan serta ucapan terima kasih kepada hadirin sekalian yang sudi hadir bagi memeriahkan majlis ini. Semoga sokongan dan komitmen hadirin sekalian dalam memastikan usaha-usaha membantu golongan berpendapatan rendah mengubah ke tahap yang lebih baik ini sentiasa berterusan.

Mari menyewa si kuda pedati,
Bawa muatan penuh di depan,
Jadilah usahawan penuh integriti,
Halal pendapatan sempurna kehidupan

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.